

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2019**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pencapaian bilangan pelawat asing dan jumlah pendapatan pelancongan yang dikutip untuk 2015 hingga 2019 dalam pecahan setiap tahun serta sasaran untuk Tahun Melawat Malaysia 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah ketibaan dan perbelanjaan pelancong asing dari tahun 2015 hingga 2019 (Januari – Jun) adalah seperti berikut:

**Jadual 1 : Jumlah Ketibaan Pelancong Asing dari tahun 2015 hingga 2019 (Januari – Jun)**

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019 (JAN-JUN)
<b>JUMLAH KETIBAAN</b>	25,721,251	26,757,392	25,948,459	25,832,354	13,354,575

*Sumber: Tourism Malaysia dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia*

**Jadual 2 : Jumlah Perbelanjaan Pelancong Asing dari tahun 2015 hingga 2019 (Januari – Jun)**

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019 (JAN-JUN)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	RM 69.1 bilion	RM 82.1 bilion	RM 82.2 bilion	RM 84.1 bilion	RM 41.7 bilion

*Sumber: Tourism Malaysia*

Manakala, sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, Kementerian mensasarkan jumlah keseluruhan ketibaan pelancong asing ke negara ini adalah seramai 30 juta orang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM100 bil.

Sekian, terima kasih.